

24 APR 2003

Najib-Economist

NAJIB BIDAS RENCANA "THE ECONOMIST" PERKECIL PEMIMPIN DAN DASAR

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini membidas rencana yang disiarkan oleh majalah "The Economist" kerana tidak memberi gambaran yang wajar dan tepat mengenai kepimpinan negara ini dan dasar-dasar kerajaan.

Beliau berkata rencana bertajuk "The Changing of The Guard: A Survey of Malaysia" seolah-olah menidakkan dasar dan program yang telah dijalankan oleh kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada sidang media di pejabatnya di Kementerian Pertahanan di sini, hari ini, Najib yang juga Menteri Pertahanan kesal kerana rencana tulisan Christopher Lockwood itu juga membuat kritikan berbentuk peribadi terhadap Dr Mahathir.

"Kenyataan ini adalah satu pandangan yang tidak adil terhadap kejayaan kerajaan serta dasarnya dan ia merupakan pandangan berat sebelah daripada sudut pembangkang," katanya.

Najib berkata oleh itu adalah wajar beliau membuat bantahan terhadap rencana bertajuk 5 April itu untuk menyatakan pendirian sebenar kerajaan dan dasar yang telah dilaksanakan oleh pemimpin negara.

Di bawah bahagian bertajuk "A Qualified Success" yang merupakan kesimpulan terhadap rencana itu antaranya menyatakan: "The greatest service of Dr Mahathir could render Malaysia after all these years would be to retire, full stop." (Bakti terbaik yang Dr Mahathir boleh sumbangkan selepas sekian lama ini ialah untuk bersara, bersara buat selama-lamanya).

Selain itu ia juga menyatakan "Installing Dr Mahathir in Jeddah where the OIC is based, would have another great advantage, for Malaysia at least; it would get him out of the country."

(Menempatkan Dr Mahathir di Jeddah di mana terdapat ibu pejabat OIC, akan mempunyai satu lagi kelebihan, sekurang-kurangnya bagi Malaysia; ia akan membawa beliau keluar dari negara)

"Will he (Pak Lah when takes over) be able to dispense with the authoritarianism that to many, has made Dr Mahathir look more than a jailer than guardian of his people."

(Bolehkan beliau (Pak Lah apabila mengambil alih) dapat memerintah dengan menunjukkan kuasa seperti yang ramai berpendapat Dr Mahathir dilihat lebih sebagai orang yang memenjarakan daripada orang yang menjaga rakyatnya)

Isu-isu lain yang disentuh oleh artikel itu mengenai hubungan kaum, Dasar Ekonomi Baru, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), perbelanjaan projek mega, ancaman Pas dan kemampuan Umno dan Barisan Nasional.

Beliau berkata artikel itu membuat perbandingan antara Dr Mahathir dan Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang boleh menimbulkan salah faham dalam proses peralihan kuasa pada Oktober ini.

"Perlu ditegaskan mana-mana pemimpin mempunyai gaya masing-masing, hakikatnya Dr Mahathir menamakan Abdullah sebagai penggantinya, menunjukkan beliau dan parti yakin Abdullah akan dapat menjalankan tanggungjawab itu," katanya.

Beliau berkata kritikan itu adalah berat sebelah tanpa mengambil kira kejayaan besar dan jasa Dr Mahathir dalam membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang berjaya.

Beliau berkata isu-isu lain yang disiarkan dalam rencana itu juga merupakan pandangan berat sebelah dan sering diutarakan oleh pihak

pembangkok tanpa mengambil kira pandangan kerajaan.

Ditanya mengenai tindakan Umno berhubung rencana itu, Najib berkata kemungkinan Umno akan mencadangkan kepada kerajaan untuk menyekat pengedaran majalah yang berpejabat di London itu, bagaimanapun adalah penting supaya kerajaan mengeluarkan pandangan yang betul mengenai kejayaan dan pendirian Malaysia.

-- BERNAMA

MRA AHH PR